

Perutusan dari Timbalan P M

SAYA merasa sukacita dapat memberi sepatah dua kata di dalam buku cenderamata sempena Hari Pelancaran Tabung Bangunan Pertubuhan Badan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Cacat Wilayah Persekutuan.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Presiden dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis ini yang telah bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat bagi menubuhkan sebuah bangunan untuk anak-anak yatim dan cacat Wilayah Persekutuan.

Usaha kutipan ini bukan sahaja akan dapat memberi pertolongan hidup dan masa hadapan yang lebih bermakna tetapi juga membantu kanak-kanak cacat dari segi mental dan fizikal.

Kerja-kerja kebajikan seperti ini adalah sangat besar artinya dalam membantu Kerajaan di bidang pembangunan negara bagi faedah semua lapisan rakyatnya di samping khususnya membantu serta membaiki keadaan anak-anak yatim dan cacat di Wilayah Persekutuan.

Oleh itu Badan Kebajikan seperti ini patutlah disokong oleh masyarakat keseluruhannya.

Sukalah saya menyeru supaya rayuan Tabung Anak-anak Yatim dan Cacat akan disambut dengan bantuan wang ringgit atau



DATO SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD

sebagainya oleh masyarakat terutamanya oleh para dermawan.

Sekali lagi saya mengalu-alukan usaha-usaha Pertubuhan mengadakan pelancaran tabung bangunan pertubuhan badan Kebajikan anak-anak yatim dan cacat Wilayah Persekutuan dan juga mengucapkan Selamat Maju Jaya.